

Hua Yang bangun projek RM700j

KUALA LUMPUR 15 Mac – Hua Yang Bhd. (Hua Yang) akan membangunkan projek hartanah bercampur di Sungai Besi dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM700 juta pada akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Operasinya, Ho Wen Yan berkata, pembangunan yang melibatkan pembinaan bangunan setinggi 23 tingkat itu akan menempatkan apartmen perkhidmatan dan premis perniagaan.

“Kawasan tersebut terletak di tepi jalan di antara Hotel Mint dan tol Sungai Besi. Pada masa ini, laluan

trafik di kawasan itu sedang dikemaskini dan akan menjadi antara laluan alternatif untuk ke Pusat Bandar tidak lama lagi, sekali gus menjadikannya lokasi yang strategik,” katanya dalam pertemuan bersama media di sini baru-baru ini.

Kerja-kerja akhir perancangan sedang berlangsung dan pembinaan akan bermula tidak lama lagi, tambah beliau.

Selain dari itu, Wen Yan memberitahu, syarikat pemaju hartanah itu melalui anak syarikatnya, Agro-Mod Industries Sdn. Bhd. telah

memeterai perjanjian bagi membina sebuah pasar raya besar bernilai RM3.2 juta di Bandar Universiti Seri Iskandar, Ipoh, Perak.

Pembinaan pasar raya tersebut akan melengkapkan infrastruktur di kawasan tersebut yang kini mempunyai beberapa institut pengajian tinggi awam dan kawasan penempatan, katanya.

Mengenai impak krisis ekonomi terhadap perniagaan syarikat itu, Wen Yan menyatakan, mereka masih lagi berdaya tahan memandangkan fokus utama perniagaan ialah pembinaan rumah mampu milik.